



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 41 (9 OKTOBER – 15 OKTOBER 2022)

Pada Minggu Epidemiologi ke-41 tahun 2022, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah 1,477 berbanding 1,474 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak tiga (3) kes (0.2%). Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-41 tahun 2022.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 46,495 kes berbanding 20,847 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 25,648 kes (123%), Manakala sebanyak 28 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 15 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021. **(Lampiran A & C).**


Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada minggu ini adalah sama dengan minggu sebelumnya, iaitu 53 lokaliti, dengan 32 lokaliti di Negeri Selangor, 13 lokaliti di Sabah, enam (6) lokaliti di WPKL & Putrajaya serta masing-masing satu (1) lokaliti di Melaka dan Pulau Pinang. **(Lampiran B & D).**

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak 10 kes pada minggu ke-41 dengan lima (5) kes dari Pulau Pinang, empat (4) kes dari Selangor dan satu (1) kes dari WPKL & Putrajaya. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 662 kes **(Lampiran E)**. Bagi survelan zika, sebanyak 1,576 sampel darah


dan 16 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Waktu puncak gigitan nyamuk Aedes adalah pada awal pagi iaitu di antara pukul 5 pagi hingga 7 pagi dan lewat petang iaitu di antara 5 petang hingga 7 petang. Oleh itu, untuk mencegah gigitan nyamuk Aedes terutama ketika melakukan kegiatan di luar rumah, pakai pakaian yang menutup anggota badan serta gunakan bahan repelan di bahagian anggota yang terdedah. Untuk membunuh nyamuk Aedes dewasa yang berkemungkinan membawa virus denggi, lakukan semburan aerosol di dalam rumah seperti di bawah meja, belakang langsir, serta tempat-tempat yang tersembunyi di dalam rumah. Selain itu, lakukan aktiviti Cari dan Musnah sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu untuk memastikan persekitaran kediaman, tempat kerja mahupun sekolah bebas dari pembiakan nyamuk Aedes. Buang segala barang-barang lusuh yang tidak diperlukan di sekeliling rumah kerana ia berisiko menakung air hujan dan menyebabkan nyamuk Aedes membiak. Persekitaran bersih, Aedes disisih. **Tiada Aedes, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
17 Oktober 2022




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-40 dan ke-41 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-41 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021




Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021




Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-41 tahun 2022

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 41/2022**(9 Oktober hingga 15 Oktober 2022)**


Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 41/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 41/2021	
		Minggu 41 (9 Oktober – 15 Oktober 2022)		Minggu 40 (2 Oktober – 8 Oktober 2022)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	3	0	4	0	54	0	20	0
2	Kedah	40	0	29	0	992	2	422	0
3	P. Pinang	48	0	36	0	721	0	317	0
4	Perak	36	0	23	0	910	0	477	1
5	Selangor	731	0	787	2	27,853	7	12,421	2
6	WP KL & Putrajaya	177	0	158	0	4,649	5	2,537	2
7	N. Sembilan	53	0	53	0	1,429	2	488	1
8	Melaka	10	0	8	0	460	0	505	0
9	Johor	130	0	115	0	2,648	1	1,481	2
10	Pahang	13	0	16	0	666	1	366	2
11	Terengganu	4	0	5	0	186	0	35	0
12	Kelantan	36	0	39	0	804	4	176	0
13	Sarawak	18	0	16	0	512	1	307	0
14	Sabah	178	0	185	0	4,591	5	1,291	5
15	WP Labuan	0	0	0	0	20	0	4	0
	MALAYSIA	1,477	0	1,474	2	46,495	28	20,847	15




Selangor




WPKL & Putrajaya




Johor




Sabah




Kelantan




Perak




Pulau Pinang




Kedah




Negeri Sembilan




Melaka




Pahang




Sarawak



Terengganu



Perlis



Labuan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 41/2022
(9 Oktober hingga 15 Oktober 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	24	103
2	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Kenangan	41	100
3	SELANGOR	Petaling	E15. Bdr Kinrara 4 (Jln BK 4/1, Sebahagian 4/2 - 4/4)	20	87
4	SELANGOR	Petaling	E15. Tmn Puchong Utama (Jln PU 10)	22	79
5	SABAH	Sandakan	Kampung Tinusa II (Laut)	39	74
6	WPKL & P	W/P Putrajaya	Presint 18 - Parcel R8	15	69
7	SABAH	Lahad Datu	Kg Sarip	13	69
8	SABAH	Sandakan	Taman Damai	20	68
9	WPKL & P	Titivangsa	Qrts Kakitangan ATM (Jln U-Thant)	13	65
10	SABAH	Sandakan	Taman Mawar Fasa 1	40	61
11	SABAH	Sandakan	Taman Mesra	18	59
12	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 1 (Angsana Appt)	17	56
13	SELANGOR	Hulu Selangor	Lokaliti 8 Bdr Baru Btg Kali	32	55
14	SELANGOR	Petaling	E11. Sri SS 6 Kompleks Kediaman Kastam	28	55
15	SABAH	Sandakan	Kampung Tinusa I	17	55
16	SELANGOR	Petaling	E15. Tmn Puchong Perdana 4 (Flat Blok H-K)	13	53
17	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Puncak Jalil 2d (Jln Puj 2/30 - 2/38)	13	52
18	SELANGOR	Klang	Seksyen 31 (Teres L : Jln 31/107 - 31/108B)	8	52
19	SABAH	Sandakan	Taman Megah	15	52
20	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Metro Villa Taman Ampang Mewah	8	51
21	SELANGOR	Hulu Langat	Antara Appt Taman Mulia Jaya	6	50

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
22	SABAH	Sandakan	Taman Tinosan Bt.4.5	8	47
23	WPKL & P	Cheras	Kuarters Institusi Pendidikan Guru (Jalan Alam Damai)	7	44
24	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Angkasa Indah	12	43
25	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U6 (Kg Melayu Subang G : Jln Tembusu)	8	43
26	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 24	5	43
27	SABAH	Sandakan	Kampung Lupak Meluas Laut	10	40
28	WPKL & P	Kepong	Kuarters Kerajaan Jalan Duta (A,B,C,D,E,F)	12	39
29	SELANGOR	Hulu Langat	Tps 2 Oakberry (Jalan TPS 2/3-2/8)Semenyih	7	39
30	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Pearl Avenue Taman Sepakat Indah	5	39
31	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 24 (Flat H : Blok 64 - 78)	9	39
32	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Flat Jln 17/2 @ 17/24 @ 17/26 : Blok 1- 10)	14	38
33	SELANGOR	Petaling	E17. Tmn Universiti Indah 1 (Jln Indah 1/12 - 1/36)	13	37
34	WPKL & P	Lembah Pantai	Endah Ria Condo Fasa 2 (C&D)	5	36
35	SELANGOR	Petaling	E3. Seksyen 27 (Teres E - Jln 27/61 - 27/70)	6	36
36	SABAH	Sandakan	Taman Tat Fui Yen Batu 8	23	36
37	SABAH	Sandakan	Kg Berhala Darat Zon A	8	36
38	SELANGOR	Klang	Taman Bukit Jati 01	5	35
39	WPKL & P	Titivangsa	Taman Melati (Kenari Appt)	7	34
40	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U20 (Bukit Rahman Putra Teres F : Jln BRP 5/1 - BRP 5/8A)	8	34
41	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Cemara Taman Bukit Segar Jaya	4	34
42	SELANGOR	Petaling	E15. Tmn Puchong Utama (Jln PU 8)	5	34
43	SABAH	Tuaran	Taman Sri Rugading	10	34
44	PULAU PINANG	Timur Laut	Taman Sri Setia	7	34
45	SELANGOR	Petaling	E15. Bdr Bkt Puchong BP 3	8	33

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
46	SELANGOR	Klang	Kampung Sungai Udang 20	5	33
47	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Krubong Jaya Fasa 2 (Jln KJ 54-60)	11	33
48	SELANGOR	Petaling	E6. BI PJU 8 Apt Flora Damansara 2 [C,D,E,F]	11	32
49	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1A Puncak Sri Kelana Kondo	4	32
50	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Lestari Perdana (Pangsapuri Sri Indah) Blok 1 Hingga 35	9	32
51	SELANGOR	Hulu Langat	Blok Markas FRU	6	31
52	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Subang Bestari Teres C : Jln U5/71 - U5/80)	7	31
53	SABAH	Sandakan	Taman Permata	6	31

Lampiran E

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 41/2022
(DARI 9 OKTOBER HINGGA 15 OKTOBER 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 41/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 41/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 41/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 41/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	3	3
2	Kedah	0	0	34	124	140
3	P. Pinang	5	2	24	54	77
4	Perak	0	0	10	180	180
5	Selangor	4	20	218	231	339
6	WP KL & Putrajaya	1	5	251	376	490
7	N. Sembilan	0	0	73	7	22
8	Melaka	0	0	6	27	29
9	Johor	0	0	4	96	97
10	Pahang	0	0	2	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	0	3	39	34	55
13	Sarawak	0	0	1	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	10	30	662	1,132	1,432

Luangkan 10 minit Cari dan Musnahkan Tempat-tempat Pembiakan Nyamuk Aedes



Dalam Rumah

- Talam peti sejuk



Baldi



Pam tandas



Mangkuk tandas



Kolah air



Pelapik rak pinggan



Bekas jambangan bunga



Bekas takungan penapis air



Luar Rumah

Tayar terpakai



Salur Air



Bekas simpanan air



Peralatan lama/terbiar



Tangki septik



Tong cat



Botol dan tin



Bekas plastik



Bekas makan polisterin



Alas pasu bunga dan pasu bunga



Pokok bunga berkelopak



" Tiada Aedes, Tiada Denggi "



Diterbitkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia



Caridanmusnah







www.myhealth.gov.my

Kitaran hidup nyamuk *Aedes* dapat diputuskan dengan melakukan aktiviti Cari dan Musnah tempat pembiakan nyamuk *Aedes* sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu.